



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

“TEGUH KITA MENANG BERSAMA”

Tarikh Dibaca :

**7 ZULKAEDAH 1442H/
18 JUN 2021M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



“TEGUH KITA MENANG BERSAMA”

7 ZULKAEDAH 1442H / 18 JUN 2021

الحمد لله القائل:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴿يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن

نَنزَعْنَم فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ

تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾ النساء: ٥٩

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ؛ اللَّهُمَّ

صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa berada dalam rahmat dan keredhaan Allah SWT di dunia mahupun di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk: **“TEGUH KITA MENANG BERSAMA”**.

Khatib juga ingin berpesan kepada sidang jemaah sekalian agar terus mematuhi garis panduan dan SOP pencegahan penularan wabak Covid-19 yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Sidang jemaah juga disaran untuk segera mendaftar bagi menerima suntikan vaksin Covid-19 sebagai ikhtiar kita menyekat dari penularan wabak ini. Semoga dengan itu dapat menyelamatkan diri, keluarga dan masyarakat kita dari wabak berbahaya ini.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sesungguhnya Islam telah menggariskan tanggungjawab yang besar kepada pemerintah dan rakyat. Kedua-dua pihak mempunyai tanggungjawab yang mesti dilaksanakan dan masing-masing juga berhak mendapat hak masing-masing. Pemerintah hendaklah sentiasa mengutamakan kemaslahatan rakyat dan rakyat hendaklah sentiasa bekerjasama membantu dan mentaati pemerintah dalam melaksanakan dasar yang baik dan mendatangkan faedah kepada kedua-dua pihak. Menurut Islam, pemerintah yang adil mendapat ganjaran dan balasan yang baik dari Allah SWT.

Manakala bagi rakyat pula, menjadi kewajipan untuk mematuhi pemerintah dan ia merupakan salah satu perkara yang dituntut oleh syarak. Antara dalilnya ialah firman Allah SWT dalam Surah al-Nisaa' ayat 59 yang dibacakan pada awal khutbah tadi yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Ulil-Amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (al-Quran) dan (Sunnah) Rasul-Nya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.”

Berdasarkan nas ini, jelas menunjukkan bahawa Islam mengajarkan kita supaya menumpahkan kesetiaan kepada negara bagi memastikan kita dapat hidup bersama semasa susah dan senang dalam suasana aman dan kesempitan, damai dan penuh

keharmonian. Persoalannya, apakah kita telah memahami dan melaksanakan tanggungjawab sebagai rakyat dan pemerintah dalam menjaga negara ini?

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Kerjasama antara rakyat dan pemerintah merupakan kunci kejayaan rakyat di negara ini. Dalam hal ini, kita perlu sentiasa mengikhlaskan niat dan melapangkan dada dan sentiasa istiqamah, mendokong dan menyebarkan kebaikan yang dibawa, melaksanakan segala perintah dan larangan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa, memelihara kredibiliti mereka, menegur dan menasihati dengan hikmah serta mendoakan mereka dalam kebaikan.

Daripada Ibn Abbas RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ رَأَى مِنْ أَمِيرِهِ شَيْئًا فَكَرِهَهُ فَلْيَصْبِرْ، فَإِنَّهُ لَيْسَ أَحَدٌ يُفَارِقُ الْجَمَاعَةَ شَبْرًا فَيَمُوتُ،
إِلَّا مَاتَ مِيتَةً جَاهِلِيَّةً

Mafhumnya: "Barangsiapa yang melihat dari pemimpinnya sesuatu yang tidak disukainya, hendaklah dia bersabar. Kerana sesungguhnya tidak sekali-kali seseorang memisahkan diri dari jemaah sejauh sejenkal, lalu dia mati, melainkan dia mati dalam keadaan mati jahiliah." (Hadis Riwayat Imam al-Bukhari)

Sehubungan itu, sebagai rakyat yang bertanggungjawab, sebarang perselisihan hendaklah merujuk kepada Kitabullah dan Sunnah Rasul-Nya bukannya berkata-kata atau bertindak menurut pendapat sendiri. Tegasnya, hubungan saling melengkapi antara rakyat dan pemerintah dapat memastikan kelestarian sebuah negara yang dilimpahi keberkatan di sisi Allah SWT bahkan yang demikian itu lebih dekat kepada kebenaran, lebih baik akibat dan penyelesaiannya.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Kerajaan telah memutuskan melaksanakan semula Perintah Kawalan Pergerakan secara menyeluruh bermula 1 Jun dan kini dilanjutkan sehingga 28 Jun 2021. Keputusan yang

dibuat oleh kerajaan ini berdasarkan peningkatan penularan kes Covid-19 dalam komuniti, kewujudan varian-varian baharu yang lebih berbahaya, dan kadar kebolehhajangan yang tidak menentu. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan ini juga telah mula menunjukkan hasil yang agak positif apabila ia berjaya mengelakkan peningkatan kes secara mendadak dan juga trend melandai dengan mencatatkan 4,949 kes pada 14 Jun 2021 berbanding 9,020 kes pada 29 Mei 2021 iaitu yang tertinggi pernah dicatatkan di negara kita.

Keputusan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan ini bukanlah suatu keputusan yang mudah untuk dibuat oleh mana-mana pemerintah termasuklah di negara ini. Ia pastinya memberi banyak kesan dalam pelbagai sektor di sesebuah negara. Namun, langkah melaksanakan PKP ini juga dibuat dengan mengambil kira keselamatan dan kesejahteraan seluruh rakyat di negara ini. Ia juga bertepatan dengan kaedah fiqh yang masyhur;

الضَّرَرُ يُزَالُ

“Kemudaratan hendaklah dihilangkan”

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Pada 15 Jun 2021, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan Pelan Pemulihan Negara sebagai satu strategi peralihan keluar secara berfasa dari kemelut pandemik COVID-19. Pelan Pemulihan Negara yang dirangka ini dibuat berdasarkan data, sains, dan mengambil kira pandangan pihak berautoriti dalam pelbagai bidang lain bagi memastikan keberhasilannya dalam segenap sektor dalam negara kita. Perkembangan positif Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang sedang dilaksanakan ketika ini juga memberi lebih keyakinan kepada kerajaan dalam merangka Pelan Pemulihan ini. Hampir semua petugas barisan hadapan telah menerima suntikan vaksin, manakala lebih 50 peratus daripada golongan yang berusia 60 tahun ke atas telah menerima dos pertama vaksin. Dengan kadar vaksinasi yang semakin meningkat dan tindakan kesihatan awam yang masih diteruskan ini, pastinya jumlah kes harian Covid-19 akan terus mencatatkan penurunan. Pengalaman negara-negara lain yang telah

meningkatkan kadar vaksinasi di negara masing-masing juga telah menunjukkan penurunan kes-kes harian baharu yang ketara dan ini pastinya akan membantu memudahkan untuk pelaksanaan pelan pemulihan negara yang komprehensif.

Pastinya juga, kerjasama dan kepatuhan seluruh rakyat di negara ini dalam membantu para pemimpin negara melaksanakan langkah pencegahan dan Pelan Pemulihan Negara amat diharapkan bagi memastikan keberhasilan pelan pemulihan yang telah dirangka. Ketepikan dahulu perbezaan pandangan dan pegangan politik kita semua. Tumpukan pada titik persamaan kita iaitu berusaha memulihkan negara ini dari ancaman wabak Covid-19 dan mengembalikan kita kepada kehidupan yang normal. “Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat”, begitulah yang dapat diungkapkan. Sekiranya kita teguh dan utuh bersama, pastinya kita akan menang dalam “peperangan” ini.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Pelan Pemulihan Negara ini disusun berpaksikan tiga matlamat induk iaitu memastikan kesejahteraan rakyat dan negara pada tahap terbaik, kelangsungan perniagaan dan ketahanan ekonomi yang terjejas teruk akibat pandemik Covid-19.

Semenjak wabak Covid-19 melanda negara, kerajaan telah pun melaksanakan pelbagai pakej bantuan dan rangsangan ekonomi berjumlah 340 bilion ringgit. Pakej bantuan dan rangsangan ini dilengkapi juga dengan Inisiatif Belanjawan 2021 yang berjumlah 322.5 billion ringgit. Pakej bantuan ini juga menunjukkan bahawa kerajaan amat prihatin dan mengambil berat bukan sahaja dari sudut kesihatan, malah kecukupan dari segi keperluan asas seluruh rakyat. Ketahuilah bahawasanya sikap keprihatinan dan pertolongan kita kepada orang lain akan diberi ganjaran dari Allah SWT sebagaimana dinyatakan melalui firman-Nya dalam Surah al-Nisaa' ayat 85:

﴿ مَنْ يَشْفَعْ شَفَعَةً حَسَنَةً يَكُنْ لَهُ نَصِيبٌ مِّنْهَا ^ط وَمَنْ يَشْفَعْ شَفَعَةً سَيِّئَةً يَكُنْ لَهُ كِفْلٌ

﴿ مِّنْهَا ^ط وَكَانَ اللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ مُّقِيمًا ۝٨٥﴾

Maksudnya: “Sesiapa yang memberikan syafaat (pertolongan) yang baik nescaya ia akan memperoleh bahagian (pahala) daripadanya; dan sesiapa yang memberikan syafaat (pertolongan) yang buruk, nescaya ia akan mendapat bahagian (dosa) daripadanya. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu”.

Ini adalah antara usaha kerajaan sebagai meneruskan agenda prihatin rakyat dan komitmen kerajaan dalam mengurus krisis yang melanda kini. Seharusnya kita kekal teguh bersama-sama tanpa mengira kawan atau lawan dalam menghadapi situasi yang tidak pernah kita jangkakan ini. Marilah kita panjatkan doa dan munajat kita agar Allah SWT membantu kita dalam menghadapi musibah ini dan mengangkat segera wabak ini dari muka bumi.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Sebagai mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar ingin mengajak sidang jemaah sekalian untuk menghayati intipati khutbah yang disampaikan sebagai pedoman dalam kehidupan kita, antaranya:

Pertama: Mentaati pemerintah adalah sebahagian daripada ajaran Islam dalam menjaga kedaulatan agama, negara dan rakyat.

Kedua: Kerajaan bertanggungjawab memastikan pentadbiran yang diterajui membuah masalah kepada seluruh rakyat.

Ketiga: Setiap masyarakat perlu bekerjasama dengan kerajaan dalam memastikan Pelan Pemulihan Negara yang dirangka mencapai objektifnya.

Firman Allah SWT:

﴿ وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ

وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ ۗ أُولَٰئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ ۗ

﴿ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴾

Maksudnya: “Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.” (Surah al-Taubah ayat 71)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
 وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
 وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
 فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

أَحْمَدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ
 وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
 بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى
 النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلَكْنَا كَبَاوَهُ دُوْلِي يَغْ مَهَا مُوْلِيَا سِرِي قَدُوْكَ بِكَيْنِدَا يَغْ دَفْرَتُوَانِ اَكُوْغْ ، السُّلْطَانِ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دُوْلِي يَغْ مَهَا مُوْلِيَا سِرِي قَدُوْكَ بِكَيْنِدَا رَاجِ قِرْمَايسُورِي اَكُوْغْ، تُونْكُو (Tunku) حَاجِهِ عَزِيْزَةُ أَمِيْنَةُ مِيْمُونَةُ إِسْكَنْدَرِيَّةُ بِنْتُ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلِ وَإِيْمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مَنْ بَلَدَنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمَنْ بُلْدَانَ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah merayu kepada-Mu agar Engkau angkat dan hilangkan segera wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَأَسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.